

WAKAF SUKUK – PEMBANGUNAN ASET WAKAF MELALUI SUKUK BERDASARKAN KONSEP ISTIBDAL

WAKAF SUKUK – DEVELOPMENT OF WAKAF ASSETS THROUGH THE CONCEPT OF ISTIBDAL

Mohamad Zaharuddin Zakariaⁱ Ahmad Zaki Sallehⁱⁱ Mushaddad Hasbullahⁱⁱⁱ Abdul Manan Ismail^{vi} Mohd Nasir Abdul Majid^v Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali^{vi} Mohd Afiq Ab Jalil^{vii}

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, zaharuddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, ahmadzaki@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, mushaddad@usim.edu.my

^{iv} Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, manan@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, nasirmajid08@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, nuradli@usim.edu.my

^{vii} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, afeeq_jalil@gmail.com

Abstrak	Abstract
<p><i>Bon Islamik atau lebih dikenali sebagai al-Sukuk, telah mencapai kejayaan dalam perlaksanaannya diperingkat antarabangsa, di mana ia telah menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi masyarakat. Objektif kajian ini dilakukan adalah bagi melihat potensi instrumen ini sebagai salah satu metode pelaburan untuk tanah atau harta wakaf. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan memperoleh maklumat dari data-data primer dan sekunder. Kajian mendapati bahawa jumlah tanah wakaf yang tidak diusahakan meningkat dari hari ke hari. Justeru, Usaha harus dilakukan untuk menjadikan tanah wakaf ini sebagai aset yang memberi pulangan sekaligus</i></p>	<p><i>Islamic Bond or widely known as Sukuk has been successfully implemented at international level and contribute a lot in economics development. The objective of this reasearch is the identify the potential of Sukuk as an instrument of investment of waqf assets. This research has been conducted by using qualitative methods which the informations were extracted from the primary and secondary data. This research has identified that there are lot of underutilized waqf land and assets and the number is increasing day by day. Therefore, the specific initiative must be conducted in order to utilized these waqf assets and gain a sufficient returns from the waqf assets utilization to boost and strengthen the economics nationwide.</i></p>

<p>dalam membantu meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi umat Islam.</p> <p>Kata kunci: Kewangan Islam, Sukuk, wakaf, Istibdal</p>	<p>Keywords: Islamic Finance. Sukuk. Waqf. Istibdal</p>
---	--

PENDAHULUAN

Wakaf telah mula wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W ketika sahabat Rasulullah, Saiyidina Umar R.A menerima sebuah tanah di Khaibar. Saiyidina Umar berjumpa dengan Rasulullah untuk meminta pendapat tentang apa yang patut dilakukan dengan tanah yang diperolehi itu. Lalu Rasulullah memberitahu Saidina Umar bahawa dia boleh mewakafkan tanah tersebut tanpa menjual dan memberikan kepada orang lain (Safiah Mohamed, 2006). Wakaf merupakan milik kepada orang Islam dimana umat Islam boleh mengguna dan mendapatkan manfaat dari aset wakaf tersebut untuk kegunaan bersama atas tujuan kebajikan untuk mendapat keredhaan Allah dan mendapat balasan di akhirat kelak.

Menurut Ahmad Zaki Abd Latif (2006), di dalam Al - Quran jelas menyatakan bahawa institusi wakaf adalah untuk umat Islam melakukan amal kebajikan terhadap masyarakat. Seperti Firman Allah:

“Wahai orang – orang yang beriman, rukuklah dan sujudlah kamu, sembahlah tuhanmu dan berbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan.” (Al-Haj 17:77)

“Kamu sekali – kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.” (Al-Imran 3:92)

Perkataan wakaf merupakan kata terbitan daripada kata dasar “*waqafa*”, yang bermaksud menahan atau menegah sesuatu. Takrif wakaf mengikut istilah bahasa iaitu “*al-habs*” ertinya menahan, kerana perkataan “*al-habs*” itu lebih hampir kepada pengertian syarak. Penggunaan perkataan wakaf di dalam perundangan Islam membawa maksud menahan sesuatu harta dan menggunakan manfaat tanpa mengubah zatnya.

Wakaf bukanlah sesuatu yang diwajibkan seperti Zakat, namun impaknya terhadap ekonomi umat Islam amat besar. Di Malaysia, jumlah tanah-tanah dan aset-aset wakaf kian meningkat dari masa ke semasa. Namun persoalannya adalah sejauh manakah aset-aset wakaf ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom menerangkan bahawa aset wakaf yang tidak dimanfaatkan melibatkan sejumlah 9,937 hektar tanah dengan anggaran

bernilai RM 1.9 Billion. Bilangan tersebut terus meningkat dimana pada tahun 2010, Statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Wakaf, Zakat, dan Haji telah menunjukkan bahawa di antara 11,511 hektar tanah wakaf, hanya 0.72% dari jumlah tanah tersebut yang dibangunkan. Justeru aset-aset tersebut perlu dibangunkan secepat mungkin secara efisien bagi manfaat serta mengukuhkan ekonomi umat Islam. Salah satu cara untuk membangunkan tanah wakaf ini adalah dengan memperkenalkan salah satu instrumen yang penting dalam kewangan Islam iaitu Sukuk.

Sukuk adalah salah satu alat kewangan dalam pasaran modal Islam. Ia adalah sijil yang melambangkan pemilikan pemegangnya kepada suatu aset atau pelaburan (secara berkadar) yang tidak dibahagi (secara fizikal) dimana ia distrukturkan mengikut prinsip Syariah dan konsep - konsep Syariah yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sukuk digunakan oleh penerbitnya untuk tujuan pendanaan keatas projek ekonomi yang patuh Syariah sahaja (Nurdin, 2015).

Sukuk Wakaf adalah instrument Sukuk yang menggunakan aset wakaf (*Mawquf*) sebagai aset sandaran (*Underlying asset*). Dalam situasi ini, wakaf dianggap sebagai pelaburan yang sendiri atau '*standalone*'. Pemegang sukuk (*Sukuk holder*) akan dibayar berdasarkan hasil yang diperolehi daripada aset wakaf yang diusahakan tersebut. Pemegang Amanah Wakaf Terpilih Sukuk Kerajaan merupakan suatu.

Instrumen yang diterbitkan oleh kerajaan sama ada berbentuk kekal atau sementara. Manakala sukuk terbitan korporat ataupun swasta pula merupakan suatu terbitan yang diterbitkan oleh badan korporat atau syarikat swasta selain daripada pihak kerajaan. Sukuk korporat mempunyai peratusan keuntungan yang tinggi berbanding dengan sukuk terbitan kerajaan. Disebabkan peratusan keuntungannya yang tinggi, sukuk korporat mempunyai tahap risiko yang agak tinggi. Ini bertepatan dengan konsep asas kewangan iaitu lebih tinggi risiko maka lebih tinggi pulangan yang diterima, dan sebaliknya.

Sesebuah institusi wakaf yang kekurangan dana boleh menjadikan pasaran modal Islam sebagai sumber utama untuk mendapatkan dana pembangunan terhadap aset wakaf. Dengan adanya instrumen Sukuk, ia boleh digunakan sebagai salah satu alternatif pembiayaan kepada institusi wakaf untuk membangunkan serta memanfaatkan aset wakaf yang terbiar.

FAEDAH – FAEDAH PERLAKSANAAN SUKUK

Sukuk telah terbukti membawa banyak faedah dalam merencanakan ekonomi umat Islam secara global. Beberapa faedah serta manfaat yang diperoleh daripada pelaksanaan Sukuk adalah;

1. Ia merupakan satu mekanisme yang sangat sesuai diaplikasikan untuk pelaburan berskala besar.
2. Menyediakan saluran yang sesuai untuk pelabur yang ingin melabur dan pada masa yang sama dapat menjana kewangan berisiko rendah.
3. Memperkenalkan pendekatan yang lebih sesuai untuk perbankan Islam dan institusi-institusi kewangan untuk menguruskan kewangan. Jual beli Sukuk sesuai digunakan kerana mudah dicairkan dan dijual kepada pasaran sekunder.
4. Ia juga merupakan jalan untuk pengagihan harta yang sama rata kerana ia membolehkan pelabur-pelabur mendapatkan manfaat dari keuntungan yang dijana melalui projek secara telus.

KAJIAN LEPAS

Antara faktor yang membawa kepada 'kebanjiran' harta dan tanah wakaf adalah berpunca dari kekurangan sumber kewangan bagi membiayai kos pembangunan harta wakaf serta kos penyelenggaraan harta wakaf tersebut (Abdullaah & Asharaf, 2008). Situasi ini sama sekali telah menjurus kepada penggunaan harta wakaf yang kurang efisien. Bilangan aset dan tanah-tanah wakaf yang mempunyai potensi yang tinggi untuk diusahakan adalah banyak. Namun Projek-projek pembangunan ini terbantut kerana kekurangan sumber kewangan *Mutawalli* dan pengurusan kewangan sedia ada yang kurang memuaskan (Aznan & Syahnaz, 2015). Sungguhpun begitu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Mutawalli dengan memperkenalkan pelbagai strategi dan kaedah seperti memperkenalkan Sukuk (Hydzulkifli & Asmak, 2015).

Salah satu bentuk wakaf kontemporari yang mula dilaksanakan di Malaysia adalah Wakaf Korporat yang diperkenalkan oleh Johor Corporation (JCorp). Wakaf Korporat ini adalah yang pertama yang dilaksanakan oleh institusi berkenaan di dalam dunia korporat. Ia diuruskan oleh salah satu anak syarikat JCorp iaitu Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). WANCorp ditubuhkan bagi menguruskan aset serta syer-syer syarikat yang berwakaf melalui JCorp yang bertindak sebagai '*Mauquf Ilaihi*' ke atas syer-syer syarikat JCorp. Malaysia Waqf Foundation (YWM) merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk menjana sumber-sumber ekonomi baru dan pembangun umat Islam melalui pengumpulan harta dan aset wakaf (Azri, 2008). Dengan usaha ini dapat memastikan bahawa aset serta harta wakaf berkenaan dapat dimanfaatkan untuk jangka masa yang panjang.

Tidak dinafikan bahawa institusi-institusi wakaf terutamanya yang berada di bawah pemantauan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berjaya

menguruskan urusan berkaitan wakaf secara profesional sekaligus dapat menyumbang ke arah memajukan hal ehwal kebajikan dan kualiti hidup di negeri masing – masing. Antara contoh pengurusan harta wakaf yang berjaya dan efisien di mana telah menjadi entiti yang menjana keuntungan adalah pembinaan Menara bank Islam Malaysia Berhad yang bertempat di ‘segi tiga emas’ bandaraya Kuala Lumpur. Kejayaan kerjasama di antara Bank Islam Malaysia Berhad bersama Tabung Haji Technologies Sdn Bhd telah dizahirkan dengan terbinanya sebuah bangunan setinggi 34 tingkat di atas tanah wakaf yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Bangunan yang dibina di atas tanah wakaf yang bertempat di kawasan yang sangat strategik dari segi kedudukan dan nilai, merupakan salah satu hasil pelaburan yang melibatkan tanah wakaf yang boleh dijadikan tanda aras bagi memperbanyakkan lagi projek-projek sedemikian. Lembaga Tabung Haji telah menguruskan bangunan tersebut dengan bayaran sewa sejumlah RM56.6 juta selama 25 tahun kepada MAIWP, manakala Bank Islam Malaysia Berhad merupakan penyewa utama bangunan tersebut. Justeru, bagi menjayakan projek seperti ini pada masa akan datang, akses kepada sumber kewangan adalah merupakan kunci untuk pelaksanaan sesebuah projek dan ia boleh dilaksanakan melalui proses Istibdal dan penerbitan sukuk wakaf.

Menurut Dusuki (2017), beliau berkata bahawa kadar perkembangan industri wakaf berupaya dilonjak menerusi penerokaan sektor sukuk 'hijau', termasuk penggunaan rangka kerja Pelaburan Tanggungjawab dan Lestari (SRI) yang diperkenalkan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Satu komponen yang tidak boleh diabaikan bagi perkembangan SRI adalah industri wakaf. Menurut Asyraf lagi, CIMB Islamic sudah berbincang dengan Kementerian Kewangan, manakala JAWHAR dan YWM boleh menjadi pengantara atau pemudah cara bagi melaksanakan SRI (Nurdin, 2015).

KONSEP ISTIBDAL (PENGGANTIAN)

Bagi memastikan bahawa tanah-tanah wakaf dapat digunakan dan dimanfaatkan bagi kebaikan ekonomi umat Islam, konsep Istibdal adalah salah satu kaedah yang boleh diketengahkan terutamanya bagi menyelesaikan isu yang berkaitan dengan hak pemilikan. Dalam isu ini, kaedah ini boleh digunakan untuk menggantikan mana-mana tanah wakaf yang dilihat sebagai lambakan dan sukar diusahakan dengan tanah - tanah lain (bukan tanah wakaf) yang dilihat lebih berpotensi untuk diusahakan. Dalam keadaan tertentu, jika tiada sebarang pembangunan dapat diusahakan terhadap tanah-tanah yang tidak berpotensi ini, pihak pengurusan wakaf boleh mengaplikasikan kaedah Istibdal, di mana ia bermaksud menggantikan aset tanah wakaf tersebut dengan mana-mana tanah yang lebih berpotensi melalui cara menukar tanah tersebut, ataupun jual beli yang mematuhi

syarak, dengan syarat tujuan pewakafan tanah tersebut dikekalkan. (Zakri, 2014)

Secara amnya, seperti yang kita sedia maklum bahawa apa sahaja bentuk harta wakaf tidak boleh dijual secara terus dan juga tidak boleh diwariskan kepada individu tertentu. Namun bagi memastikan manfaat dari tanah wakaf tersebut diperolehi secara berterusan, hakim atau pihak berwajib perlu menguruskan tanah wakaf tersebut secara *Istibdal* sebagai langkah untuk mengoptimumkan wakaf tersebut. Terdapat pelbagai pandangan dari ulama serta ilmuan ekonomi Islam tentang *Istibdal*. Contohnya di Indonesia, kerajaan tidak mengiktiraf konsep ini. Namun di Malaysia, terdapat justifikasi yang membenarkan kaedah ini dilaksanakan dengan syarat ia dilakukan atas dasar kebajikan umat Islam (Lahsasna, 2016)

Dalam membincangkan konsep pelaksanaan *Istibdal*, perlu ada perbezaan di antara wakaf masjid dan wakaf harta yang lain. Bagi wakaf harta, *Istibdal* hanya boleh dilakukan jika harta wakaf yang sedia ada itu masih lagi mendatangkan manfaat. Namun begitu, wakaf masjid iaitu tanah yang telah digunakan untuk membangunkan masjid tidak boleh diistibdalkan. Menurut pandangan mazhab Hanafi, setiap bahagian wakaf masjid tidak boleh diistibdalkan, begitu juga pandangan mazhab Shafi'e dimana ia dilarang secara mutlak.

Namun begitu, mazhab Maliki berpendapat bahawa wakaf masjid boleh diistibdalkan dengan syarat ia hanya digunakan untuk penambahkaban seperti memperluaskan ruang masjid dan membesarkan jalan. Untuk membaiki kerosakan, *istibdal* adalah dilarang. Lain pula dengan pendapat mazhab Hanbali dimana penjualan masjid adalah dibenarkan jika ia tidak digunakan dan diimarahkan. Ia merujuk pada kisah sahabat Rasulullah, Saiyidina Umar R.A dan Saad. Saidini Umar R.A mengarahkan Saad untuk membina semula masjid tersebut di kawasan lain. Hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli tanah atau aset yang lain yang lebih berpotensi untuk menjana manfaat jika tanah tersebut digunakan (Abd Halim, 2006)

ISTIBDAL BI-THAMAN (ISTIBDAL DENGAN HARGA)

Konsep *istibdal* digunakan dimana pewakaf/pengurus wakaf menjual tanah wakaf tersebut dalam bentuk pulangan aset bahagian yang mempunyai sama nilai. Contohnya tanah yg bernilai RM30 juta di ganti hakmilik dgn bangunan/aset harta yang mempunyai nilai yang sama. Jika nilai tiga buah tanah wakaf yang tidak diusahakan adalah sama nilai dgn sebuah tanah bukan wakaf yang mempunyai nilai yang sama iaitu RM30 juta, maka tanah – tanah wakaf tersebut ditukarkan dengan tanah komersil tersebut dengan syarat dikekalkan tujuannya iaitu sebagai tanah wakaf. Maka tanah yang lama tidak lagi menjadi tanah wakaf. Selain itu, antara cara lain adalah tanah wakaf tersebut dinilai dengan bangunan yang akan dibina di atas tanah

wakaf. Setelah di istibdal, harta aset wakaf yang baru adalah bahagian bangunan yang telah dibina di atas tanah wakaf tersebut yang nilainya sama dengan nilai tanah wakaf itu.

Untuk membangunkan aset harta tersebut, Sukuk boleh diperkenalkan kerana hak milik belum bertukar. Selepas aset selesai dibina, kemudian binaan tersebut dijadikan aset wakaf. Perjanjian yang teliti perlu dilakukan supaya tidak berlaku penyelewengan sepanjang proses penukaran hak berlaku. Di sini, kontrak *Salaam* akan dilaksanakan dimana Istibdal dilakukan dengan bangunan yang belum disiapkan kerana untuk meneruskan projek pembangunan, Sukuk akan diterbitkan. Di dalam situasi ini, penggunaan *Sukuk Ijarah* adalah yang sesuai di mana 'Trustee' atau pentadbir urus akan dilantik sebagai orang tengah yang akan menguruskan pengurusan sukuk dan pembahagian keuntungan kepada pelabur atau 'Sukuk Holder'. Pentadbir urus dari pihak ketiga akan dilantik untuk menjadi orang tengah di antara firma dan pelabur. Firma akan menjual tanah wakaf kepada pihak *Trustee*, dan akan membeli semula tanah dengan secara bayaran sewa-beli. Firma membayar 'sewaan' kepada pentadbir urus dan sewaan tersebut merupakan pulangan yang akan diperoleh oleh pelabur. Kemudian, dalam tempoh matang sukuk (Contohnya 20 tahun), dua pilihan boleh dibuat sama ada;

- a) Tanah akan dikembalikan semula kepada Badan Pengurusan Waqaf dan aset harta dipulangkan sepenuhnya kepada firma mengikut perjanjian pajakan yang ditetapkan (contohnya pajakan selama 99 tahun). Seterusnya Firma akan membayar sewa kepada badan wakaf sebagai sumber pendapatan tanah waqaf untuk pembangunan harta wakaf lain atau kegunaan kebajikan contohnya untuk tujuan penubuhan hospital.
- b) Mengubah kadar perkongsian antara firma dan badan wakaf. Contohnya ketika sebelum tempoh matang, kadar perkongsian adalah 30:70. Setelah tempoh matang sukuk, tanah tidak akan dikembalikan kepada firma, namun nisbah keuntungan akan diubah di mana badan wakaf menerima kadar baharu seperti 60:40 atau sebagainya, tertakluk kepada persetujuan kedua2 pihak.

Jika menurut pandangan hukum syarak pula, hak tanah dan bangunan boleh diasingkan, dimana pemilikan ke atas bangunan dan tanah boleh di asingkan kepada pemilik yang berbeza. Apabila ini berlaku, maka badan pengurusan wakaf boleh mengekalkan hak tanah sebagai hak milik pewakaf setelah pembangunan dilakukan di atas tanah tersebut (Abu Bakar, 2007)

PENUTUP

Harta wakaf perlu dikembangkan Seperti yang dikatakan oleh Datuk Dr Mohd Daud Bakar bersempena Majlis Perasmian Muktamar Iqlimi IV 2017 di Universiti Sains Islam Malaysia,

“Aset wakaf perlu mencetuskan aset wakaf yang baharu. Bukan sekadar dibiayai, diselenggara malah tidak menurun dan bertambah. Ia perlu tambah aset baharu. Aset wakaf berpotensi untuk dikembangkan dan mencetuskan asset wakaf yang baru”.

Mengambil contoh di Harvard, Oxford dan Cambridge, aset yang sedikit dikembangkan dan dilaburkan dan bertambah asetnya. Setiap bangunan kolej di Cambridge, di Oxford dan di Harvard seperti King College ianya dibina menggunakan wang hasil daripada endowment dan bukan daripada bantuan kerajaan. Wang penjanaan wakaf yang asal perlu diperhebatkan supaya wakaf mencipta lebih banyak wakaf.

Justeru, pelbagai idea mengenai kaedah atau cara yang dibenarkan syarak dan berpotensi untuk membantu kepada galakan untuk memanfaatkan penggunaan harta dan aset wakaf seperti Istibdal tanah/aset wakaf adalah sangat dialu-alukan dan perlu diketengahkan supaya harta wakaf dapat digunakan untuk menjana pendapatan dan mendorong kepada kemajuan ekonomi umat Islam dengan pesat. Penggunaan kaedah Istibdal dilihat sebagai salah satu cara yang paling mudah dan sangat membantu dari segi pengurusan tanah wakaf. Dengan mengekalkan tujuan tanah yang diistibdalkan untuk tujuan wakaf, ia dilihat sangat bersesuaian digunakan bagi mengusahakan tanah wakaf dengan sebaik mungkin kerana tanah wakaf haruslah dijadikan asset yang bukan hanya gah pada kuantiti, tetapi juga kualiti yang dapat menjanjikan pulangan yang boleh dimanfaatkan bersama. Istibdal dilihat antara salah satu cara yang dapat digunakan untuk menyelesaikan isu lambakan tanah wakaf yang tidak diusaha dan dimanfaatkan kerana kaedah ini mampu mewujudkan institusi wakaf yang lebih dinamik untuk manfaat umat Islam sekaligus mengekalkan tujuan asal tanah wakaf untuk kebaikan pewakaf di dunia dan akhirat khususnya dan kebaikan umat Islam secara umumnya.

RUJUKAN

- Abdul Halim, R. Kamarulzaman, S. (2006) *“Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam”*. Konvensyen Wakaf Kebangsaan. Kuala Lumpur.
- Abdullah, J. Asharaaf, A. R. (2008). *“Waqf instruments for construction contract: An analysis of structure”*. Islamic University Sciences of Malaysia.

- Abu Bakar, M. (2007), *“Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf dalam Jurnal Pengurusan Jawhar”*, Bil.15, h. 57, 2007.
- Ahcene, L (2016), *“Waqf and sukuk terminology: A comparative analysis”*
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail. Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat islam di Malaysia. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 2008, 2 (2).
- AOOIFI Shariah Standard.
- Asmak, A.R. Hydzulkifli, H.O. (2013), *“Aplikasi Sukuk Dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih”*, Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 2 (2013) 89-116
- Azri, A. (2008). *“Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Wakaf Malaysia”*. Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2: 88-97
- Nurdin, N (2015), *“Pembangunan Wakaf: Pendanaan melalui Sukuk Sustainable and Responsible Investment (SRI)*”*, Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke-11.
- Syahnaz, S. Aznan, H. (2015). *“Wakaf Unit Amanah: Merintis Inovasi Aset Wakaf Kontemporari”*. Kertas Sisipan Muzakarah Ahli Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia, Kali ke – 11
- Zakri, H (2014), *“Substitution of Special Waqf (Istibdal): Case Study at the Religious and Malay Custom Council of Kelantan (MAIK)”*, *The Macrotheme Review* 3 (4), 64-71

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.